# LAPORAN TAHUNAN POLITEKNIK KOTA BHARU 2012



# LAPORAN TAHUNAN POLITEKNIK KOTA BHARU 2012

POLITEKNIK KOTA BHARU
KM 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan
www.pkb.edu.my

ISSN 1394-4835

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Misi dan Visi | v |
| Dari Meja Pengarah | vi |
| Struktur Organisasi | 1 |
| Carta Oragnisasi | 2 |
| Pencapaian | 3 |
| Aktiviti | |
| Jabatan Kejuruteraan Awam | 12 |
| Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 13 |
| Jabatan Kejuruteraan Mekanikal | 19 |
| Jabatan Perdagangan | 22 |
| Jabatan Matematik, Sains dan Komputer | 25 |
| Jabatan Pengajian Am | 28 |
| Jabatan Hal Ehwal Pelajar | 31 |
| Unit Peperiksaan | 36 |
| Unit Ko-Kurikulum | 39 |
| Unit Perhubungan Latihan Industri | 45 |
| Unit Pentadbiran | 47 |
| Unit Perpustakaan | 49 |
| Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia | 52 |
| Unit Sistem dan Teknologi Maklumat | 54 |
| Unit Pembangunan dan Penyenggaraan | 55 |
| Unit Penyelidikan dan Inovasi | 57 |
| Unit Asrama | 59 |
| Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Unit Kualiti | 62 |
| Unit Kualiti | 68 |
| Unit Psikologi dan Kerjaya | 69 |
| Unit Keusahawanan | 73 |
| Unit Sukan | 75 |
| Data dan Statistik | 78 |


## Sidang Redaksi


*Penaung*
Tn Hj Noor Azahan bin Othman

*Ketua Pengarang*
En Azmi Mamat

*Sidang Pengarang*
Nik Mohd Hafiz Abd Razak
Muzirawati Md Mustafa
Madiha HAsbullah
Roslina Ab Rahman
Muzimah Aida Md Mustafa

*Grafik*
Wan Mohd Hanafi Wan Abd Rahman

# MISI

Menerobos sempadan untuk membina persekitaran pembelajaran transformatif dan kreatif ke arah menjana ekonomi yang dipimpin inovasi.

# VISI

Penjana utama modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi tenaga kerja global menjelang 2015.



# DARI MEJA PENGARAH

Alhamdulillah, segala pujian dipanjatkan kepada Allah, Tuhan yang Maha Berkuasa di atas segala kurniaan dan nikmat yang tidak terhitung.

2012 telah meninggalkan kita dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian yang amat memberangsangkan. Siapa sangka dengan bebanan tugasan yang sentiasa menghambat, tanggungjawab yang semakin mendesak, kita masih mampu menjejaki laluan untuk ke puncak tertinggi dunia. Kejayaan ini menjadi cerminan kepada masyarakat luar, kita sebenarnya mampu, dan akan melakar lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

Selain itu, warga Politeknik Kota Bharu juga cemerlang dalam bidang inovasi dan penyelidikan. Kejayaan Kumpulan G-Elektro dan Prestigious dalam Konvensensyen KIK Politeknik Malaysia 2012 membuktikannya. Harapan saya agar kecemerlangan ini berterusan seterusnya berjaya mengangkat martabat PKB ke mercu yang lebih gemilang di masa hadapan.

Kejayaan menerbitkan jurnal penyelidikan juga mencetus satu budaya baru di kalangan warga kerja PKB, kita sebenarnya tidak ketandusan idea dan mampu menjadi pemangkin kepada kecemerlangan bidang pendidikan di PKB, dan di Malaysia amnya.

Ini hanyalah sebahagian daripada kejayaan sepanjang tahun 2012. Harapan kami agar kejayaan ini terus ada kesinambungannya di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.





# STRUKTUR ORGANISASI



## PENGURUSAN TERTINGGI








## KETUA-KETUA JABATAN
















## KETUA-KETUA UNIT
































1. Hj Noor Azahan Othman
   *Pengarah*
2. Kamaludin Daud
   *Timbalan Pengarah (A)*
3. Hj Azahan Hj Daud
   *Timbalan Pengarah (BA)*
4. Raja Norman Raja Mat
   *Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam*
5. Zainuddin Omar
   *Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik*
6. Hj Mahazari Mohd Zain
   *Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal*
7. Ahmad Fuad Mohd Shorbaini
   *Ketua Jabatan Perdagangan*
8. Hj Md Nawi Ab Rahman
   *Ketua Jabatan Matematik, Sains & Matematik*
9. Mohamad Shakri Awang Abdullah
   *Ketua Jabatan Pengajian Am*
10. Saupi Mohamed Nor
    *Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar*
11. Udom a/l Ewon
    *Ketua Unit Kokurikulum*
12. Jeffri Amran Ibrahim
    *Ketua Unit Peperiksaan*
13. Sharupudin Yusoff
    *Ketua Unit Latihan Industri*
14. Hanafi Che Bedolah
    *Pegawaii Eksekutif Tinggi*
15. Suzianna Taib
    *Ketua Unit Teknologi Maklumat*
16. Kasuma Dewi Said
    *Ketua Unit Perpustakaan*
17. Ahmad Khairil Abdul Jabar
    *Ketua Unit Kualiti & Dokumentasi*
18. Rohaya Abdullah
    *Ketua Unit Asrama*
19. Razali Abd Rashid
    *Ketua Unit Multimedia & Sumber*
20. Mohd Hisham Makhtar
    *Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan*
21. Norazlisham Kamarulzaman
    *Ketua Unit Pembangunan & Senggaraan*
22. Wan Nini Rohaya Wan Mohamed
    *Ketua Unit Psikologi dan Kerjaya*
23. Noordin Omar
    *Ketua Unit Kebudayaan*
24. Wan Muhammad Marzudi W Mu-hammad
    *Ketua Unit Sukan*
25. Azmi Mamat
    *Pegawai Perhubungan Awam*




# PENCAPAIAN

# EVEREST BASE CAMP 2012 : A Journey to Everest

Berbekalkan semangat juang yang tinggi, seramai tujuh pelajar dan tiga pensyarah Politeknik Kota Bharu (PKB) berada pada kelasnya yang tersendiri apabila telah berjaya melengkapkan separuh daripada misi Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia untuk menawan puncak tertinggi dunia itu. Seramai 10 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar Politeknik Kota Bharu (PKB) mahu mengharumkan nama negara dengan menawan puncak Everest melalui misi A Journey To Everest pada 7 Mei ini.

Menawan puncak tertinggi dunia, Gunung Everest merupakan sebahagian daripada cita-cita dan impian yang mungkin terpahat dalam sanubari setiap penggemar sukan ekstrem mendaki gunung. Mana tidaknya, menawan puncak dengan ketinggian 8,848 meter dari paras laut, pasti menghadirkan seribu satu makna kepada mereka yang berjaya menjejakkan kaki di kawasan berkenaan.






Gunung Everest yang terletak di banjaran Himalaya itu merupakan pelengkap kepada penggemar sukan mendaki kerana ia merupakan cabaran paling sukar untuk ditempuh kerana permukaannya yang diliputi salji serta suhu di bawah paras beku, bakal menguji kekuatan fizikal dan mental para pendaki.

# KONVENSYEN KIK POLITEKNIK MALAYSIA 2012

Kumpulan G-electro dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Keseluruhan KIK Terbaik pada Konvensyan KIK Politeknik Malaysia 2012 yang bertempat di Politeknik Seberang Perai yang disertai oleh 25 kumpulan daripada seluruh politeknik Malaysia. Kejayaan ini membolehkan PKB membawa pulang Piala Pusingan Ketua Pengarah JPP dan sijil. Disamping itu juga kumpulan G-electro berjaya mendapat pingat emas dan Johan bagi Anugerah Keseluruhan Kategori Teknikal, menerima hadiah wang tunai RM 1500 beserta sijil dan trofi.

Projek ini merupakan inovasi daripada pemegang PCB (Printed Circuit Board) bagi mesin etching (Rota Spray RS1210) yang dinamakan sebagai STiPP (Save Time PCB Process). Proses Etching merupakan salah satu proses menggunakan cecair kimia (Ferric Chloride) untuk menanggalkan kuprum-kuprum yang tidak dikehendaki pada PCB dan ia adalah sangat penting bagi semua pelajar JKE semester 5 & 6 dalam menghasilkan projek semester akhir. Rekabentuk STiPP yang dihasilkan ini mampu memuatkan sehingga 13 PCB pada satu-satu masa bergantung pada saiz.

Manakala PCB holder yang asal hanya mampu memuatkan 4 PCB sahaja dalam satu-satu masa. STiPP yang dihasilkan adalah mesra pengguna dan menjimatkan masa seterusnya mengurangkan bahaya pendedahan cecair kimia terhadap pengguna. Diharap dengan penghasilan STiPP ini, akan dapat dimanafaatkan oleh pelajar dan staff JKE bagi menghasilkan projek semester akhir yang lebih berkualiti.







Konvensyen KIK Politeknik Malaysia 2012 telah pun berakhir pada 5 Julai 2012. Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Prestigious dari Jabatan Perdagangan PKB kerana telah berjaya meraih emas dan Johan Anugerah Keseluruhan Kategori Pengurusan. Prestigious telah membawa pulang wang tunai bernilai RM1,500 beserta sijil dan trofi. Kemenangan ini telah melayakkan Prestigious meneruskan perjuangan ke konvensyen Zon Wilayah Utara yang akan diadakan pada 16-17 Julai 2012 di Pulau Pinang. Inovasi yang dihasilkan iaitu i-UBSxm akan digunapakai bermula sesi Jun 2012. i-UBSxm ini akan membantu proses pengurusan peperiksaan UBS accounting. Semoga Prestigious akan terus dapat mengharumkan nama PKB.

## MAJLS TILAWAH AL-QURAN, FESTIVAL NASYID DAN PIDATO BAHASA INGGERIS, POLITEKNIK MALAYSIA (MAFEP)



Majls Tilawah Al-Quran, Festival Nasyid dan Pidato Bahasa Inggeris, Politeknik Malaysia (MAFEP), Kementerian Pengajian Tinggi telah diadakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis pada 3 hingga 6 september 2012 yang lalu. Dalam majlis tersebut, Kumpulan nasyid al-Falah PKB muncul johan bagi Kategori Nasyid Tradisional dan memenangi Anugerah Lagu Terbaik bagi kategori yang sama. Majlis yang telah berlangsung selama 4 hari tersebut disertai oleh semua politeknik Malaysia. Walaupun kumpulan nasyid al-Falah PKB di bawah bimbingan Ust. Aljalilah baru beberapa bulan ditubuhkan iaitu pada Julai 2012 tetapi mampu menambat hati juri dengan alunan nasyid tradisionalnya. Diharap kumpulan nasyid al-Falah akan meneruskan kejayaan di pertandingan-pertandingan yang akan datang.

# PESILAT PKB TERPILIH MEWAKILI MALAYSIA KE SEA GAMES 2013 MYANMAR.



Dua orang pelajar PKB Muhammad Asraf bin Yahya, Kategori 7 Putera (67.1-70kg), Program Diploma Kejuruteraan Elektronik dan Siti Noor Farinie Mamat Azmi, Kategori 1 Puteri (45.1-50kg), Program Diploma UkurBahan terpilih mewakili Malaysia ke Sea Games 2013 Myanmar Kejohanan Pemilihan Kebangsaan Tarung Derajat Kebangsaan fasa 1/2012 yang telah berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan Pahang, Kuantan dan fasa 2/2012 di Seremban Centre Point Negeri Sembilan.

Politeknik Kota Bharu satu-satunya IPT yang menyertai kejohanan sukan bela diri Tarung Derajat yang dikendalikan oleh En Mohd Azri Abdul Ghani Ketua Kursus Kokurikulum PKB merangkap Wasit Juri kebangsaan dan Jurulatih Tarung Derajat Kelantan.

# AMPHIBIOUS ELECTRIC VEHICLE 2012

Politeknik Kota Bharu telah berjaya mendapat anugerah REKABENTUK TERBAIK dalam peryertaan pertandingan Merekacipta Kenderaan Elektrik Amfibia 2012 (KATOGERI Terbuka PERINGKAT KEBANGSAAN) bertempat di Pusat Sains Negara yang berlangsung pada 8-9 September 2012.





# ENHANCEMENT ACTIVITIES IN ENGLISH LANGUAGE PROGRAMME DI CS PATANI HOTEL, THAILAND

14 -15 Mac 2012 - Seramai 8 orang peserta daripada Politeknik Kota Bharu telah menghadiri Enhancement Activities in English Language Programme at CS Patani Hotel, Thailand. Delegasi dari Malaysia ini terdiri daripada 2 pegawai dan 6 orang pelajar yang diketuai oleh En Mohd Shaiful Azhar Bin Jaafar (Pegawai Hal Ehwal Pelajar PKB). Program ini di anjurkan oleh Sungaikolok Industrial and Community Education College yang diketuai oleh Pengarah Dr Sermsak Nilwilai.

Ketibaan delegasi Malaysia pada jam 10.30 pagi di Patani telah disambut dengan meriah oleh

Pengarah-Pengarah Kolej Teknikal Dan Vokasional Selatan Thailand. Majlis sambutan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Gabenor Patani dan telah disajikan dengan persembahan kebudayaan Thailand.

Pada keesokan harinya, 15 Mac 2012, pihak Politeknik Kota Bharu diminta membuat persembahan dikir barat di hadapan Timbalan Menteri Pelajaran Thailand, Sakda Kongpet. PKB telah mempersembahkan 4 buah lagu dikir barat yang disampaikan oleh 2 penyanyi iaitu Saudara Faizal dan Saudari Wan Nurfarahim. Untuk persembahan dikir barat ini, PKB telah bergabung dengan pelajar dari Sungaikolok Industrial and Community Education yang bertindak sebagai awak-awak.

Kehadiran Timbalan Menteri Pelajaran Thailand, Sakda Kongpet ke Patani adalah bersempena pameran akademik yang dianjurkan oleh Institusi Pendidikan di Selatan Thailand. Delegasi Malaysia teleh berterima kasih kepada kerajaan Thailand kerana menjemput PKB bagi mengikuti program ini. Objektif program ini dijalankan adalah bagi meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Malaysia dan Thailand malah dapat disebarkan ke Negara ASEAN yang lain. Antara aktiviti yang dijalankan ialah English Contest, Team Building dan Exercise yang perlu dilakukan oleh peserta dan dihantar pada hari terakhir program.

Program ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan menghimpunkan seramai peserta dari Negara ASEAN bagi mengeratkan hubungan antara sesama Negara.

# PESTA KONVO JUBLI PERAK

29 Mac - Konvokesyen kali ke 25 PKB yang dijenamakan sebagai 'Majlis Konvokesyen Jubli Perak' telah berlangsung dengan gemilang serta penuh kemeriahan. Sokongan dari pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Penyiaran (RTM), Jabatan Kebudayaan,Jabatan Penerangan, Jabatan Bomba & Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Di Raja Malaysia serta Ikatan Relawan Rakyat Malaysia menambahkan lagi kemeriahan. Kehadiran penduduk setempat dari pagi hingga ke malam bagi meraikan sambutan ini membuktikan PKB sememangnya dekat di hati mereka. Pelbagai program telah diatur oleh urusetia serta jabatan akademik untuk memastikan konvo kali ini kekal di lipatan sejarah. TAHNIAH dan TERIMA KASIH kepada semua pihak serta individu yang telah menyumbangkan idea, tenaga, masa atau wang ringgit dalam merealisasikan majlis ini.



# PELANCARAN 1M4U PKB



2013 merupakan Tahun Kesukarelawanan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), sehubungan tema ini maka Politeknik Kota Bharu (PKB) telah memilih tanggal 12.12.2012 sebagai tarikh keramat untuk melancarkan penubuhan 1M4U Outreach Centre Peringkat PKB. Penubuhan ini akan menjadi platform untuk merealesasikan program kesukarelawanan 1M4U sebagai pusat yang menyelaras, memantau dan menyalurkan

Dana relawan 1 Malaysia (Dre1M) bagi penuntut di PKB. Objektif utama penubuhannya adalah untuk melahirkan graduan IPT yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi terhadap komuniti dan masyarakat setempat, menganjurkan program kesukarelawanan yang berimpak positif kepada masyarakat dan Negara serta memberi nilai tambah kepada pasaran graduan yang semakin mencabar. Beberapa strategi telah diatur bagi menjayakan saranan YAB Perdana Menteri semasa ucapan perasmian 1M4U pada 24 Mei 2012 iaitu mengenalpasti bidang kesukarelawan yang mampu memberi impak kepada pembangunan Negara berasaskan kepada proses kesejahteraan masyarakat (community well being), alam sekitar (environment), keusahawanan sosial (social entreprise) dan pembangunan belia (youth development). Dengan keupayaan dan berbekalkan kemahiran penuntut di PKB yakin ianya mampu memberi khidmat dan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan bantuan dan nasihat.

Penubuhan pasukan ini merupakan satu bentuk sokongan kepada hasrat kerajaan yang mahu menjadikan Malaysia hab dan negara contoh dalam kerja sukarelawan kalangan rakyat berbilang kaum berteraskan gagasan 1Malaysia. Program ini merupakan satu jambatan yang mampu mengeratkan hubungan antara kaum dan platform kepada pelajar untuk menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti khidmat sosial. Secara tidak langsung ia mampu melahirkan generasi yang bertanggungjawab serta memupuk semangat kerjasama serta melahirkan graduan berkualiti.

Sebagai perancangan awal sukarelawan ini akan didedahkan dengan kemahiran yang secukupnya sebelum mereka melangkah keluar dari kampus untuk menjalankan khidmat sosial kepada masyarakat seperti bantuan mangsa kebakaran, kemalangan serta lemas.



# MALAYSIA POLYTECHNIC STUDENTS INTERNATIONAL LEADERSHIP PROGRAM, PERTH AUSTRALIA, (19-24 SEPTEMBER 2012)






# IKON VARSITY BH : HADIAH UTAMA (KATEGORI BERKUMPULAN PROJEK KHIDMATT SOSIAL LUAR NEGARA)








# AKTIVITI

# JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

### Lawatan Sambil Belajar Persatuan Pelajar Kejuruteraan Awam ke Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Bagi memberi pendedahan berkenaan dengan pengurusan , kepimpinan dan kemahiran 'public speaking' kepada pelajar kursus Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Ukur Bahan, Persatuan Pelajar Kejuruteraan Awam telah mengadakan satu lawatan sambil belajar ke Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 14-17 Mac 2012. Rombongan seramai 38 orang pelajar JKA ini turut















berkunjung ke beberapa lagi tempat menarik seperti Bukit Bendera dan Bukit Merah Laketown Resort.

### Lawatan Penanda Arasan Niche Ukur Bahan PKB ke Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah(POLIMAS), Politeknik Seberang Perai ,UiTM Seberang Perai & SIRIM Pulau Pinang

Jabatan Kejuruteraan Awam telah menganjurkan satu lawatan penanda arasan ke Polimas, Politeknik Seberang Perai, Universiti Teknologi Mara dan Sirim cawangan Pulau Pinang pada 27 hingga 29 Jun 2012. Lawatan yang diketuai oleh En. Abdul Manaff bin Mahmood, En. Wan Mohd Haniff bin Wan Mohd Shaufil dan En. Nik Ahmad Nazuli bin Nik Yahya ini bertujuan untuk berkongsi maklumat dan idea bagi menambahbaik sistem pengurusan dan hala tuju JKA.

### Program "THE MOST WANTED GRADUATES" Finishing School di UTHM

Seramai 11 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengikuti satu program "THE MOST WANTED GRADUATES" di bawah portfolio 'Finishing School' yang berlangsung di Universiti Tun Hussin Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat selama 10 hari bermula 26 Jun-6 Julai 2012. Pengisian

program seperti slot ceramah motivasi, pengurusan organisasi, teknik menyelesaikan masalah, tatacara menghadiri temuduga dan modul-modul lain yang berkaitan dalam memberi nilai tambah kepada ilmu akademik pelajar selaras dengan matlamat Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) kearah meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan politeknik.







### Kursus "In House Training on Safety and Health Officer (SHO)"

Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) cawangan Pantai Timur dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik(JPP) telah menganjurkan satu kursus "In House Training on Safety and Health Officer(SHO) bertempat di Kemaman, Terengganu pada 16/9-8/10 yang lalu. Kursus selama 3 minggu ini bertujuan untuk melahirkan warga industri pembinaan yang dapat mempraktikkan suasana kerja tapak bina yang selamat dan sihat. Di hujung kursus, para peserta yang terdiri daripada bekas pelajar Politeknik Kota Bharu, Politeknik Sultan Ahmad Shah dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin perlu menduduki peperiksaan khas bagi memperolehi sijil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

### Kursus "SCAFFOLDING" Finishing School

Satu kursus di bawah program 'Finishing School' iaitu "Scaffolding" telah diadakan selama 10 hari pada 20-30 September yang lalu. Kursus yang dilaksanakan di Institut Kemahiran Belia Negara(IKBN) Chembong, Negeri Sembilan telah disertai oleh 6 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam. Di akhir kursus peserta dianugerahkan sijil pematuhan pemasangan dan penggunaan peranca di tapak bina.

### Lawatan ke Pameran 'Internasional Green Tech and Ecoproduct Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2012' di KLCC, Kuala Lumpur

Jabatan Kejuruteraan Awam melalui 4 orang pensyarah dan 30 orang pelajar telah berkunjung ke pameran 'Internasional Green Tech and Ecoproduct Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2012' pada 10-13 Oktober 2012. Pameran yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) ini telah menemukan para pengeluar produk teknologi hijau dari seluruh dunia dan turut sama memberi pendedahan dan kesedaran pengunjung tentang kepentingan teknologi hijau dan alam sekitar yang lestari.

### Kejohanan Boling Tertutup

Bagi merapatkan silaturrahim dalam kalangan staf Jabatan Kejuruteraan Awam, satu kejohanan boling tertutup telah dianjurkan oleh Kelab Sukan JKA, bertempat di Pusat Boling Kota Mutiara, Kota Bharu pada 6 Disember yang lalu. Kejohanan yang disertai oleh 58 orang peserta itu telah

# JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

dimeriahkan lagi dengan kehadiran YM Raja Norman bin Raja Mat selaku Ketua Jabatan yang mana turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang

## Bengkel Halatuju 'Centre of Technology(COT) & Niche Area' Ukur Bahan

Pada 10 Disember 2012 yang lalu, telah berlangsungnya Bengkel Halatuju 'Centre of Technology' (COT) dan Niche Area Ukur Bahan 2013 di Dewan Al-Ghazali Politeknik Kota Bharu. Bengkel yang bertujuan untuk merangka Pelan Tindakan 2013 dan menyusun strategi bagi mencapai "Key Performance Index" (KPI) telah dihadiri oleh para pensyarah Ukur Bahan Jabatan Kejuruteraan Awam dan juga jabatan Kejuruteraan Mekanikal.






# JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

## Kursus Kurikulum CLO Dan PLO

Penganjuran kursus selama dua hari ini telah memberi impak berguna dan memantapkan pemahaman di kalangan pensyarah JKE terhadap kehendak kurikulum tentang Course Learning Outcome (CLO) dan Programme Learning Outcome (PLO) dalam pengajaran dan pembelajaran sebagaimana keperluan MQA. Seramai 40 orang pensyarah JKE telah menghadiri kursus ini bermula 8 Februari 2012 hingga 9 Februari 2012 bertempat di Bilik Seminar Baiduri, PKB.

## Program Pertauliahan Exco PPKE, Penganugerahan Sijil Ketua Jabatan Dan Projek Terbaik JKE

Persatuan Pelajar Kejuruteraan Elektrik (PPKE) sangat optimis dalam merencana dan melaksanakan pelbagai program akademik mahupun sosial. Justeru, tanggal 18 April 2012 bertempat di New Horizon, Kota Bharu telah diadakan program gilang-gemilang bagi pertaulihan Exco PPKE seterusnya meraikan sumbangan mereka dalam aktiviti JKE. Tidak ketinggalan program ini turut meraikan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik melalui Penganugerahan Ketua Jabatan dan Projek Terbaik JKE. Tuan Haji Zainuddin Bin Omar selaku Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah merasmikan program ini dengan disaksikan 43 orang pensyarah dan 65 orang pelajar.






# JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

## Kursus “Basic Skill Coaching And Mentoring”

Seramai 31 orang pensyarah daripada pelbagai jabatan di Politeknik Kota Bharu telah mengikuti kursus ’Basic Skill Coaching and Mentoring’. Kursus yang berlangsung pada 25 Jun 2012 adalah anjuran Jawatankuasa ’Coaching and Mentoring’ Jabatan Kejuruteraan Elektrik PKB. Kursus ini telah dikendalikan oleh Tn.Haji Azani Bin Mat Ali. Melalui perkongsian ilmu yang diperolehi semasa kursus, pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi bersama oleh coach akan dapat membantu coachee melaksanakan tugasan dengan lebih bijak selain meningkatkan prestasi dan produktiviti sesuatu unit, institusi dan jabatan.

## Lawatan Jawatankuasa Industri

Pada 10 Julai 2012, pihak PKB telah menerima kunjungan lawatan Jawatankuasa Industri di PKB yang terdiri daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom (M) Bhd, Celcom (M) Bhd, dan Syarikat Rohmwako. Sesi taklimat tentang kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik turut disampaikan dan disusuli lawatan ke Makmal Telekomunikasi, Makmal Mikropemprosesan, Makmal Komputer dan Makmal Multimedia Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

## Lawatan Ukur Aras 5S

Jawatankuasa Quality Environment 5S Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan lawatan Ukur Aras 5S di Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu (ILP Kota Bharu) pada 18 Julai 2012. Lawatan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah ILP Kota Bharu iaitu En.Mohd Hazmie Bin Nordin. Lokasi utama lawatan adalah Bengkel Pendawaian 1 Fasa, Bengkel Pendawaian 3 Fasa, dan Bengkel Elektronik Industri. Antara objektif lawatan adalah untuk meningkatkan maklumat berkaitan garis panduan umum 5S, dan menimba pengalaman tentang aktiviti dan kaedah pelaksanaan 5S di ILP Kota Bharu, dalam mencapai misi PKB untuk mendapat pengiktirafan amalan 5S.

## Program Bicara Industri

Program Bicara Industri telah jayanya diadakan pada 18 September 2012 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Politeknik Kota Bharu. Program ini telah melibatkan pelajar dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan pihak industri. Antara pihak industri yang terlibat adalah Telekom (M) Bhd, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Rowako, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Syarikat Proton. Taklimat dan sesi perbincangan dua hala menjadi medan utama dalam menambahbaik aspek keperluan industri dan kurikulum demi meningkatkan kebolehpasaran di kalangan pelajar Politeknik Kota Bharu setelah tamat pengajian nanti.

## Program Siswa Cakna Komuniti Bersama Qariah Masjid Ar-Rahmah Pangkal Kalong

Sejajar dengan kesedaran terhadap tanggungjawab kepada masyarakat terutama komuniti setempat, PPKE telah memperkasa program sukarelawan bersama penduduk Mukim Pangkal Kalong pada 4 hingga 6 Oktober 2012. Program ini telah melibatkan 30 orang pensyarah dan 68 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Pengembelingan tenaga berlangsung bersama penduduk kampung

dengan khidmat pendawaian secara percuma, mengecat dan gotong-royong. Aktiviti sosial seperti memasak, lawatan dan penyerahan sumbangan ke rumah warga emas terpilih dan acara sukaneka menjadi pelengkap program. Majlis Perasmian Pembukaan telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan KejuruteraanElektrik, Tuan Haji Zainuddin Bin Omar, manakala Majlis Penutup telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik, En.Kamaludin Bin Daud.

### Program Kolaborasi PKB Bersama Pihak Telekom (M) Bhd, Kuala Terengganu Dan PKKT

Tanggal 17 Oktober 2012, telah berlangsungnya program Kolaborasi Politeknik Kota Bharu bersama pihak Telekom (M) Bhd, Kuala Terengganu dan Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT). Lima orang pensyarah dan 34 orang pelajar JKE telah menyertai rombongan ini ke Kuala Terengganu. Program ini julung kali diadakan bersama kedua-dua pihak dengan matlamat menjalinkan kolaborasi sejajar dengan keperluan program di JKE. Objektif utama program adalah sebagai pendedahan kepada pelajar tentang teknologi terkini dalam bidang telekomuniksai seterusnya menarik minat pelajar mendalami ilmu terutama yang berkaitan dengan pensuisan yang sedang digunakan di seluruh negara.



# JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

## Sorotan Aktiviti 2012

Kursus Multimedia II (20-23 Februari 2012)
Tempat : GCL4
Peserta : 45 orang pensyarah
Objektif : meningkatkan teknik penggunaan multimedia di dalam PnP

Jamuan Perpisahan (28 Februari dan 18 Jun 2012)
- Mohd FaizulEmiza Bin Mohd Ghazi – Politeknik Mukah
- Astrildayu Binti Athesan- Politeknik Mukah
- Yasin Bin Yusoff - Politeknik Kota Kinabalu
- Mohd Ariff bin Dollah - Politeknik Kota Kuala Terengganu

Kursus Aplikasi Cidos E-Learning 2 (15-17 Mei 2012 )
Tempat : GCL 3
Peserta : 40 pensyarah JKE
Objektif : meningkatkan kefahaman tentang CIDOS dan mengaplikasikan CIDOS di dalam P&P

Program Lawatan Industri PKB ke Celcom Axiata (M) Bhd, Kota Bharu (14 Oktober 2012)
Peserta : 4 pensyarah, 30 orang pelajar
Objektif : mempelajari secara langsung tentang pensuisan dan fiber optic yang digunakan oleh pihak Celcom



Program Lawatan Industri PKB ke Telekom (M) Bhd, Kota Bharu (16 Oktober 2012)
Peserta : 5 pensyarah, 30 orang pelajar
Objektif : mempelajari secara langsung tentang pensuisan dalam teknologi komunikasi yang diaplikasikan oleh pihak Telekom

# JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL






## Lawatan ke Loji Rawatan Air Merbau Condong

Seramai 30 orang pelajar dan 10 orang pensyarah telah mengadakan program lawatan ke industri loji air Merbau Condong pada 4 Okt 2012 lalu. Lawatan ini telah memberi banyak manfaat kepada semua berkaitan dengan kursus yang dipelajari.

## Kejohanan Formula Varsity 2012 (FV 2012)

14 Oktober 2012 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTem) telah menganjurkan Kejohanan Formula Varsity 2012 bertempat di Melaka International Motorsport Circuit (MIMC), Melaka. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor. Politeknik Kota Baharu (PKB) telah menghantar satu pasukan iaitu APONTEZ PKB RACING TEAM yang terdiri daripada 4 orang pensyarah dan 19 orang pelajar.

## Kolaborasi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PKB Dengan Kilang Sawit Jerangau Barat, Terengganu

Satu lawatan kolaborasi ke Kilang Kelapa Sawit Jerangau Barat telah diadakan pada 17 Sept 2012 melibatkan 3 orang pelajar DPT6A bersama Penyelaras Unit R&D JKM, Dr. Hj. Zamri Yusoff. Kolaborasi ini telah diadakan bagi menjalankan satu penyelidikan keatas sisa pepejal (biomass) dari kilang kelapa sawit untuk dijadikan partikel dalam proses "blasting".

## Persembahan Projek JKM 2012

Unit R&D JKM telah menganjurkan pameran projek pelajar pada 1 – 3 April 2012 untuk sesi Dis 2011 dan 4 – 6 Nov 2012 untuk sesi Jun 2012. Persediaan dan persembahan Projek Inovasi ini adalah kewajipan kepada pelajar tahun akhir JKM setiap semester. Pameran yang dipersembahkan berbentuk fabrikasi, perisian servis domestic, kajian pembangunan dan alat bantuan mengajar pensyarah.

# JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

## Lawatan Sambil Belajar JKM Ke Tok Bali Dock Yard & Engineering Sdn Bhd

Pada 17 Sept. 2012 JKM telah mengadakan lawatan ke Tok Bali Dock yard & Engineering Sdn Bhd (TBDE) bagi memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang aplikasi kejuruteraan dalam industry pembaikian kapal.



## Pameran Expo Pertanian Negeri Kelantan 2012

8 projek pelajar DKM (Pertanian) telah terpilih untuk mengadakan pameran sempena Expo Pertanian Negeri Kelantan yang berlangsung pada 4 - 11 Jun 2012 bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke IV. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan, Sultan Muhammad ke V. Pameran bermula daripada pukul 10.00 pagi - 10.00 malam setiap hari ini bertemakan aspek pertanian, penternakan dan nelayan. Semasa sesi lawatan Sultan Muhammad ke V ke pameran projek pelajar, Baginda amat teruja dengan projek 'Auto Flood Circulation (AFC) hidro-Pot system" yang merupakan akuarium 2 dalam 1 dan projek Moo Snacks iaitu Keropok yang diperbuat daripada belulang lembu . Baginda juga tertarik dengan produk baja Polyorganic dan Biomicrob, keluaran asli unit Usahawan Pertanian JKM.






## Penerbitan Jurnal dan Buku Oleh Staff JKM

Sepanjang tahun 2012 staff JKM telah Berjaya menerbitkan beberapa jurnal dan buku dalam mencapai KPI jabatan dan politeknik. Antara jurnal yang berjaya diterbitkan adalah bertajuk :

1. Komposit Dengan Aloi Aluminium Silikon Sebagai Bahan Matrik, *Tengku Azmie Bin Raja Hassan, di Bentangkan Pada Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Sistem Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional 2012, 25 -26 September 2012, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan, Perpustakaan Negara Malaysia, ISBN 978-967-0468-16-7, Prosiding 028*

2. Physical Properties and Microstructure of Green Aluminium Matrix Composite, *Zamri Yusoff (PKB), Shamsul Baharin Jamaludin dan Mazlee Mohd Noor*



*(UNIMAP), 8th Asian-Australasian Conference on Composite Materials (ACCM-8) 6 – 8 November 2012, Kuala Lumpur, Malaysia, Paper no: O-MCM-045*

3. The Physical And Wear Properties of Hybrid Biomass By-Product Particulates Reinforced Aluminium Matrix Composite, Zamri Yusoff, *International Conference on Marine Technology Kuala Terengganu, Malaysia, 20-22 October 2012, Paper Reference ID: UMT/FMSM/ MARTEC/MMP-67*

4. The Effects of Stress Ratio on the Fatigue Crack Propagation of the 6061 T6 Alloy Aluminium Of 0.1: Ds=80 Mpa, *Shamsuddin Abdullah, Md Baharuddin Abdul Rahman, Khairul Azhar Mat Daud dan Azihan Kamaruddin, Shamsuddin Bin Abdullah et al./ Elixir Appl. Chem. 49 (2012) 10102-10104, Received: 27 June 2012; Received in revised form: 16 August 2012; Accepted: 21 August 2012;*

Berikut adalah senarai buku yang diterbitkan oleh staff JKM :

1. Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) (Projek Based Learning (PJBL)). Edisi Ke 2 Jan 2012. *Md Baharudin Ab Rahman, Khairul Azhar Mat Daud, ISBN 978-983-3442-25-6*

2. An Introduction to Soft Skill. *ISBN 983344227-7*

3. Pengenalan kepada Kepimpinan. *Md Baharudin Ab Rahman, Khairul Azhar Mat Daud, ISBN 978-983-3442-30-0*

4. Preparing A Project Proposal Via Problem Based Learning (PBL) & Project Based Learning (PJBL) Approaches. *ISBN 978-983-3442-32-4*

5. Mekanisma Penghantaran Kuasa. *Md Baharudin Ab Rahman, Khairul Azhar Mat Daud, ISBN 978-983-3442-24-9*



# JABATAN PERDAGANGAN



## Pembentangan Seminar Penyelidikan Peringkat Kebangsaan (Zon Timur 2012)

Dua orang pensyarah jabatan Perdagangan iaitu Noor Hazini Binti Abdul Halim dan Wan Azilah Binti Wan Yunus telah membentangkan hasil kajian masing-masing di seminar penyelidikan Kebangsaan pada 17 dan 18 Julai 2012. Pembentangan ini telah memberi manfaat dan pengetahuan baru dalam bidang penyelidikan pada masa akan datang.

## Kursus Motivasi Kebolehpasaran dan Khidmat Bakti Pelajar Jabatan Perdagangan Kolaborasi Bersama Internec Techno Solutions

Program berbentuk kursus pendek ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada 32 orang pelajar semester akhir yang terpilih kepada konsep pembelajaran berasaskan hasil (OBE). Kursus ini telah diadakan pada 9 – 11 Februari 2012 bertempat di Sweet Beach Resort & Holiday Sdn.Bhd, Pasir Puteh dan Perkuburan Kandis Bachok Kelantan. Program kolaborasi di antara Politeknik Kota Bharu dan Internec Techno Solutions melibatkan aktiviti ice-breaking, ceramah motivasi, riadah dan khidmat masyarakat.

## Khidmat Bakti Masyarakat Bersama Yayasan Kebajikan Anak Yatim Kelantan

Persatuan Pelajar perdagangan (PPP) mengadakan program khidmat bakti bersama dengan anak-anak yatim dari Yayasan Kebajikan Anak Yatim Kelantan pada 23 Mac 2012. Pengisian program adalah taklimat berkaitan Politeknik Kota Bharu, ceramah motivasi dan kerjaya dan lawatan ke dewan kuliah, perpustakaan, bengkel dan makmal komputer. Program ini telah memupuk nilai kemanusiaan dan amalan hidup bermasyarakat di kalangan peserta.

## Lawatan Industri Ke Malaysian Institute Of Accountants (MIA) Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Kuala Lumpur

Serombongan pelajar DAT6, berjumlah 40 orang telah mengadakan lawatan di Malaysian Institute of Accountants dan Lembaga Hasil Dalam Negeri di Kuala Lumpur. Melalui lawatan ini, pelajar telah mendapat pendedahan secara langsung daripada pegawai berkenaan berkaitan dengan peranan akauntan bertauliah, percukaian syarikat serta cukai keuntungan hartanah. Program ini telah berlangsung pada 11 hingga 13 Januari 2012.

## Lawatan Akademik Program Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Pada 27 Ogos 2012, seramai 10 orang pensyarah Jabatan Perdagangan telah mengadakan lawatan akademik ke UNISZA. Program ini telah memberi impak positif kepada pengembangan ilmu pengetahuan pensyarah dan pelajar. Antaranya peluang untuk bekerjasama dalam melaksanakan penyelidikan, pemindahan pengetahuan bagi memantapkan kesinambungan program pengajian, kaedah peningkatan softskills pelajar dan syarat pindahan kredit pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di UNISZA.

## Pertandingan Pidato 1Malaysia

Pada 1 Mac 2012, Persatuan Pelajar Perdagangan (PPP) telah menganjurkan Pertandingan Pidato 1Malaysia. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar Jabatan Perdagangan . Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang dasar-dasar Negara khasnya Gagasan 1Malaysia, meningkatkan rasa kecintaan serta semangat patriotisme pelajar kepada Negara serta meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri pelajar.

## Gerai Keusahawanan

Gerai keusahawanan melibatkan kelas-kelas bagi setiap program iaitu Diploma Akauntansi, Diploma Pemasaran dan Diploma Pengurusan Perniagaan Jabatan Perdagangan telah berlangsung

















# JABATAN PERDAGANGAN

sepanjang majlis konvokesyen PKB kali ke-25 dari 26 – 29 Mac 2012 dan pada 5- 6 November 2012. Penglibatan pelajar dalam aktiviti ini dapat memupuk budaya keusahawanan, pengurusan perniagaan dan meningkatkan kemahiran komunikasi.

## Lawatan Industri & Keusahawanan Ke Noor Arfa Craft Complex Dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kuala Terenganu

Seramai 31 orang pelajar kelas DPM6B telah mengadakan lawatan akademik ke Noor Arfa Craft Complex dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di Kuala Terengganu pada 12 April 2012. Pelajar mendapat pendedahan berkaitan prosedur penubuhan syarikat dan taklimat berkaitan perniagaan daripada pegawai yang terlibat.










## Seminar Suratcara Boleh Niaga

Seminar suratcara boleh niaga telah berlangsung pada 23 September 2012 melibatkan pelajar jabatan perdagangan yang mengambil kursus Undang-Undang Komersan. Seminar ini telah disampaikan oleh Puan Hidayati Mohamed Jani, Pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan.

# J A B A T A N



# MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER

## Math Is Easy 1 & 2 , Count It Right 1 & 2

Sepanjang tahun 2012, JMSK telah mengadakan pelbagai program kecemerlangan pelajar. Antaranya adalah Math Is Easy 1 dan Count It Right 1 yang berlangsung pada 16 – 17 April 2012 serta Math Is Easy 2 dan Count It Right 2 yang telah diadakan pada 5 November 2012. Objektif utama program adalah untuk memenuhi KPI JMSK yang mensasarkan 100% para pelajarnya lulus di dalam peperiksaan akhir semester. Program ini melibatkan 350 orang pelajar yang mengambil kursus BA101, BB101 dan BA201.

## Program Math Cafe

Program ini melibatkan peserta seramai 60 orang pelajar semester 1 dan 11 orang pelajar semester 6 sebagai fasilitator. Program yang dilaksanakan pada setiap petang Khamis bermula 13 sept 2012 – 18 Okt 2012 bertempat di bilik Kuliah (A25,26), Politeknik Kota Bharu. Program ini bertujuan untuk membantu pelajar yang lemah matematik untuk menguasai asas matematik dan meningkatkan keyakinan diri di samping melatih sifat tanggungjawab dan kepimpinan di kalangan pelajar senior.

# JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER

## Program Mentor Matic

Sepanjang sesi Dis 2011 dan Jun 2012, JMSK telah melaksanakan Program Mentor Matic melibatkan pelajar BA601 sebagai mentor dan pelajar BA201 sebagai mentee. Pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah telah diterapkan dalam program yang di selaraskan oleh Encik Syed Shaifulbhary B. Sayed Salabudin. Impak kepada program ini dapat dilihat berdasarkan kepada








pencapaian cemerlang peserta dalam peperiksaan akhir semester.

## Program Latihan Transformasi Negara

JMSK telah menjalankan satu program kolaborasi dengan Biro Tata Negara (BTN) pada 12 hingga 14 April 2012 bertempat di Kem Bina Negara Besut, Terengganu. 61 orang peserta yang terdiri daripada pelajar semester 5 daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah terpilih mengikuti Program Latihan Transformasi Negara ini. Pelaksanaan program ini mampu membuka minda pelajar ke arah perubahan sikap dan pembangunan sahsiah yang lebih positif sebagai asas mencapai kecemerlangan bangsa.

## Program Kolaborasi JMSK - JPS

Seramai 10 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Awam ( DKA 5A ) diiringi oleh 2 orang pensyarah iaitu Pn. Norlila Binti Mohd Yusoff dan En. Syed Shaifulbahry Syed Salabuddin terpilih dalam program kolaborasi JMSK – JPS yang dijalankan pada 4 – 5 April 2012 bertempat di Alor A, Sungai Pengkalan Chepa. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang pelbagai fungsi dan peranan JPS mengenai sistem pengairan dan saliran Negara, seterusnya memperkenalkan 'Program Satu Negeri Satu Sungai'.

## Program Mybest Project.com

Matlamat utama penganjuran program ini adalah sebagai pemangkin peningkatan daya kreativiti dan inovasi pelajar, di samping menerapkan budaya bersaing di kalangan pelajar dalam menghasilkan satu persembahan dengan menggunakan perisian aplikasi MS Power Point, Windows Movie Maker dan Adobe Photoshop. Program myBest Project.com ini berlangsung pada 7 November

2012 bertempat di GCL 2 & 3. Impaknya pelajar dapat menonjolkan bakat masing-masing dalam rekabentuk perisian multimedia seiring dengan kemajuan dunia teknologi maklumat kini .

### Penerbitan Buku Rujukan Matematik Dan Sains

Pensyarah – pensyarah JMSK telah berjaya menghasilkan Buku Nota dan Panduan Pengajaran Matematik Kejuruteraan BA201 dan BA501, Engineering Science BB101 dan Computer Application BC101 sebagai satu bahan rujukan untuk membantu proses P&P agar dapat dijalankan dengan lebih teratur dan seragam. Penggunaan buku panduan kursus ini di dalam kelas berjaya membantu





pensyarah dalam menyampaikan pengajaran dengan tersusun serta memberikan impak yang positif kepada akademik pelajar.

### ICT Kepada Komuniti Setempat

JMSK telah menjalankan 3 program bagi memberi pendedahan kepada komuniti setempat tentang penggunaan ICT dalam pengurusan harian iaitu Kursus Rekabentuk Weblog siri 1/12 bertarikh 21 – 22 Sept 2012, Kursus Microsoft Word dan Kursus Rekabentuk Weblog siri 2/12 pada 9 – 11 Nov 2012. Impaknya komuniti sedar tentang betapa pentingnya penggunaan internet dalam kehidupan harian.

### Aktiviti-aktiviti Lain

- Math And Science Challenge (01 - 03 Mac 2012)
- Pertandingan: Your Smart Brain Is Just Right Inter-Polytechnics Challenge 2012 (27 - 28 Mac 2012)
- E-Science 1 : Striving For Excellence (18 - 19 April 2012)
- Kursus Rekabentuk Weblog siri 1/12 (21 - 22 September 2012)
- Pertandingan Explorasi Matematik , Sains Dan Komputer (12 - 13 Oktober 2012)
- E-Science 2 : Striving For Excellence (06 - 07 November 2012)
- Explore-Science (8 November 2012)
- Kursus Microsoft Word (9 – 11 November 2012)
- Kursus Rekabentuk Weblog siri 2/12 (9 – 11 November 2012)

# J A B A T A N



# PENGAJIAN AM

## Kursus Tamadun Islam

Bertempat di Dataran Gemilang, Politeknik Kota Bharu, Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am telah menganjurkan satu seminar "Tamadun Islam" pada 6 Mac 2012 yang lalu. Program yang dihadiri oleh semua pelajar semester 3 ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara pelajar, memberi ilmu agama yang mendalam dan dapat meningkatkan amal ibadat serta secara tidak langsung dapat melahirkan pelajar yang tinggi sahsiahnya, kreatif dan inovatif serta cemerlang dunia dan akhirat.

## English Festival

Satu program "English Festival" telah dianjurkan oleh Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am di Dewan Jubli Perak & Dewan Al-Ghazali PKB. Program yang dianjurkan pada 3-4 April 2012 ini telah dapat menarik kehadiran seramai 300 orang pelajar PKB dan bermatlamat untuk meningkatkan

kecemerlangan dalam penguasaan Bahasa Inggeris dan mencungkil kreativiti serta mengembangkan potensi diri pelajar berkenaan.

## Kursus Qawa'id Fiqhiyah

Pada 11 Jun 2012, Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am telah menganjurkan Kursus Qawa'id Fiqhiyah, yang mana pesertanya adalah terdiri daripada staf unit itu sendiri. Objektif penganjuran adalah untuk memberi pendedahan berkenaan kaedah-kaedah fiqh dalam mengeluarkan hukum dan membincangkan konsep asas kaedah fiqh yang berkaitan dengan sains & teknologi dan pengurusan dalam Islam.

## Kursus Pengurusan Jenazah

Seramai 500 orang pelajar semester 2 sesi Jun 2012 telah menghadiri "Kursus Pengurusan Jenazah" pada 15 September 2012 yang lalu. Dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, kursus ini adalah bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada pelajar cara menguruskan jenazah dengan sempurna dan akhirnya dapat melahirkan pelajar yang berilmu serta berkeyakinan dalam membantu masyarakat menguruskan jenazah.

## Seminar Penerapan Nilai-Nilai Murni

Satu seminar "Penerapan Nilai-Nilai Murni" telah dianjurkan pada 13 Oktober 2012, bertempat di Dewan Kuliah 2 Politeknik Kota Bharu. Objektif penganjuran adalah untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar dan diaplikasikan dalam kehidupan. Ia juga bermatlamat untuk memberikan pendedahan serta panduan kepada pelajar tentang kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni terhadap keutuhan bangsa dan negara.

## Program Penghayatan Solat

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama Unit Psikologi dan Kaunseling Politeknik Kota Bharu, telah melaksanakan satu program "PENGHAYATAN SOLAT" kepada semua pelajar Muslim Semester 1 bagi sesi Jun 2012. Berlangsung di Masjid Ibrahimi, Kok Lanas pada 18





Oktober 2012, program bertujuan untuk memupuk semangat solat berjemaah di kalangan pelajar politeknik dan menyedarkan pelajar tentang kepentingan solat dalam kehidupan.

# JABATAN PENGAJIAN AM

## Wrestling With English 2012

"Wrestling With English 2012", satu program anjuran Unit Bahasa Inggeris, JabatanPengajian Am dengan kerjasama Unit Kerjaya dan Kaunseling telah berlangsung pada 23 Oktober 2012. Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran pelajar menjadi pengguna bahasa yang aktif di dalam dan di luar bilik darjah. Di samping itu juga ianya dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran untuk menguasai kemahiran dalam menulis, membaca, bercakap dan mendengar.

## English Language Camp 2012

Pada 1-3 November 2012 yang lalu, bertempat di Redzwan's Beach Resort, telah berlangsungnya program "English Language Camp 2012". Sebagai penganjur bagi program berkenaan, Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am telah merangka pelbagai aktiviti menarik bagi memastikan program berjalan dengan lancar. Matlamat utama program adalah untuk mengukuhkan asas-asas bahasa Inggeris bagi persediaan yang lebih baik dalam subjek-subjek lain di politeknik. Disamping itu juga, program diharapkan dapat meningkatkan motivasi dan keseronokan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris





# JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



**Enrolmen Pelajar Bagi Tahun 2012**

Jumlah keseluruhan :
Sesi Disember 2011 : 5159 orang
Sesi Jun 2012 : 4810 0rang

Jabatan Kejuruteraan Awam

| Program | Sesi Jun 2012 | | Sesi Disember 2012 | |
|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| Diploma Kejuruteraan Awam | 623 | 458 | 581 | 383 |
| Diploma Ukur Bahan | 282 | 348 | 199 | 217 |
| Sijil Kejuruteraan Awam | 4 | 2 | 0 | 0 |
| Sijil Ukur Bahan | 4 | 2 | 0 | 0 |
| Jumlah | 913 | 810 | 780 | 600 |

# JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

Jabatan Kejuruteraan Elektrik

| Program | Sesi Jun 2012 | | Sesi Disember 2012 | |
|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| Diploma Kejuruteraan Elektrik | 187 | 23 | 274 | 36 |
| Diploma Kejuruteran Elektrik & Elektronik | 113 | 28 | 178 | 43 |
| Diploma Kejuruteraan Elektronik | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) | 266 | 127 | 270 | 134 |
| Sijil Kejuruteraan Elektrik & Elektronik | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | 566 | 178 | 722 | 213 |

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

| Program | Sesi Jun 2012 | | Sesi Disember 2012 | |
|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal | 324 | 56 | 316 | 51 |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) | 542 | 17 | 479 | 14 |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian) | 278 | 168 | 248 | 139 |
| Diploma Kejuruteraan Mekatronik | 92 | 21 | 85 | 27 |
| Sijil Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Sijil Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian) | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | 1236 | 262 | 1128 | 231 |

Jabatan Perdagangan

| Program | Sesi Jun 2012 | | Sesi Disember 2012 | |
|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| Diploma Akauntasi | 127 | 442 | 135 | 466 |
| Diploma Pemasaran | 37 | 149 | 31 | 138 |
| Diploma Pengajian Perniagaan | 100 | 339 | 86 | 280 |
| Sijil Pengajian Perniagaan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Sijil Penyimpanan Kira | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | 264 | 930 | 252 | 884 |

## Aktiviti

### Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Jun 2012

Pendaftaran pelajar baru bagi Sesi Jun 2012 telah diadakan pada 8 Julai 2012 bertempat di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu. Seramai 1450 orang pelajar baharu telah mendaftar bagi program diploma lepasan SPM, Lepasan Sijil Politeknik dan Lepasan Sijil Kolej Komuniti. Sesi pendaftaran pada kali ini telah dilawati oleh Mej. (K) Haji Md. Nor Bin Yusof, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik.





### PKB Sports Festival 2012

Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Unit Sukan telah Berjaya menganjurkan Pkb Sport Festival yang bertemakan "1 Pelajar 1 Riadah". Objektif penganjuran ini antaranya adalah untuk memupuk semangat kesukanan 1Malaysia kepada para pelajar dan mengisi masa lapang pelajar dengan aktiviti berkumpulan bagi mengurangkan sebarang penglibatan pelajar dalam masalah sosial yang membimbangkan kini. Antara aturcara program adalah Larian PKB Sports Festival, Sukan Rakyat, Sukan Santai dan pertandingan memancing



### Taklimat dan Sesi Kutipan Dokumen PTPTN

Taklimat ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang memohon PTPTN supaya dapat melengkapkan dokumen perjanjian masing-masing sebelum pihak PTPTN datang untuk sesi kutipan dokumen dan juga bagi mengelakkan kesilapan atau dokumen tidak lengkap bagi mengelakkan dari dokumen tidak diterima oleh pihak PTPTN.



### Kem Kepimpinan Perdana 2012

Kem Kepimpinan ini merupakan satu program yang diadakan bagi setiap semester dengan melibatkan barisan kepimpinan pelajar daripada semua peringkat dan kumpulan, iaitu terdiri daripada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Kejuruteraan Awam, Persatuan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal, Persatuan Pelajar Kejuruteraan Elektrik, Persatuan Pelajar Perdagangan, Kelab Rakan Siswa, Kelab Ukur Bahan, Kelab Sukan



# JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

Permotoran, Kelab Pencak Silat, Kelab Amru, Kelab Moral, Kelab Pembimbing Rakan Siswa, Kelab Rakan Siswa, Kelab Kamsis, Kelab Rakan Siswa, Kelab Seni Budaya, Kelab Askar Wataniah, Kelab Rukun Negara, dan Kelab TaHa@U. Hal ini adalah sejajar dengan perkembangan semasa, di mana segala aktiviti pelajar hendaklah diselaraskan bersama dengan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Sehubungan dengan itu, adalah perlu semua pemimpin pelajar peringkat Politeknik Kota Bharu disatukan dibawah kursus ini agar segala aspirasi yang diinginkan diperingkat Jabatan Pengurusan Politeknik akan tercapai.

## Majlis Penyerahan Baucer Buku 1 Malaysia 2012

Majlis Penyerahan Baucer Buku 1 Malaysia berlangsung pada 11 Januari 2012 bertempat di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu yang telah disempurnakan oleh YB. Datuk Hj. Che Md Alwi Bin Hj. Che Ahmad, ADUN Kok Lanas. Sejumlah RM 1,140,800.00 telah diperuntukan bagi pelajar-pelajar Politeknik Kota Bharu.

Aktiviti-aktiviti Lain

- Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2012 dan Sesi Disember 2012 (8 Julai 2012 & 9 Disember 2012)
- Kursus Induksi Pelajar Integrasi Lepasan Politeknik dan Kolej Komuniti (10 Julai 2012 & 11 Disember 2012)
- Pelancaran Kelab TAHA@U (10 Januari 2012)
- Pilihanraya Kampus Sesi Jun 2012 (21 Januari - 09 Februari 2012)
- PKB Arts & Cultural Night (25 September 2012)
- Lawatan Penanda Aras Antarabangsa JPP PIS/Singapura (13 - 16 September 2012)
- Majlis Dialog JPP Bersama Pelajar (13 Ogos 2012)
- Operasi Disiplin JKDP (12 Januari & 26 Julai 2012)












# UNIT

# UNIT PEPERIKSAAN



Unit Peperiksaan merupakan sebuah Unit Sokongan Akademik yang diletakkan di bawah tanggungjawab Timbalan Pengarah Akademik. Bagi sesebuah politeknik, Unit Peperiksaan adalah unit yang dipertanggungjawabkan untuk merancang, mengurus dan melaksanakan segala aktiviti yang berkaitan dengan penyelarasan dan mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan persijilan serta penilaian pelajar berpandukan kepada garis panduan dan peraturan penilaian yang telah ditetapkan.



Statistik Keputusan Peperiksaan Sesi Disember 2011

| Program | | Kedudukan Baik | Kedudukan Baik (Gagal Kursus) | Kedudukan Bersyarat | Kedudukan Bersyarat (Gagal Kursus) | Gagal Berhenti | Bil. Pel |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JKA | DKA | 833 | 267 | 0 | 5 | 7 | 1084 |
| | DUB | 384 | 139 | 0 | 3 | 1 | 520 |
| | SKA | 23 | 13 | 0 | 0 | 0 | 35 |
| | SUB | 14 | 3 | 0 | 0 | 1 | 17 |
| JKE | DEE | 16 | 7 | 0 | 0 | 0 | 23 |
| | DEP | 151 | 54 | 0 | 4 | 1 | 195 |
| | DET | 40 | 4 | 0 | 0 | 0 | 42 |
| | DKE | 295 | 91 | 0 | 7 | 3 | 388 |
| | SKE | 13 | 12 | 0 | 0 | 0 | 25 |
| JKM | DAD | 368 | 125 | 0 | 0 | 2 | 486 |
| | DEM | 68 | 20 | 0 | 0 | 1 | 88 |
| | DKM | 122 | 76 | 0 | 4 | 2 | 198 |
| | DPT | 317 | 80 | 0 | 11 | 3 | 408 |
| | SKM | 10 | 6 | 0 | 0 | 2 | 16 |
| | SPT | 12 | 1 | 0 | 0 | 0 | 13 |
| JP | DAT | 447 | 106 | 0 | 7 | 11 | 565 |
| | DPM | 351 | 78 | 0 | 1 | 4 | 429 |
| | DPR | 166 | 34 | 0 | 3 | 1 | 202 |
| | SPK | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| | SPP | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 |
| JUMLAH | | 3633 | 898 | 0 | 45 | 40 | 4738 |



# UNIT PEPERIKSAAN

## Statistik Keputusan Peperiksaan Sesi Jun 2012

| Program | | Kedudukan Baik | Kedudukan Baik (Gagal Kursus) | Kedudukan Bersyarat | Kedudukan Bersyarat (Gagal Kursus) | Gagal Berhenti | Bil. Pel |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JKA | DKA | 660 | 391 | 0 | 5 | 10 | 1066 |
| | DUB | 385 | 147 | 4 | 12 | 6 | 554 |
| | SKA | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 |
| | SUB | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| JKE | DEE | 119 | 13 | 0 | 2 | 2 | 136 |
| | DEP | 243 | 186 | 0 | 2 | 10 | 441 |
| | DET | 185 | 15 | 0 | 6 | 1 | 207 |
| | DKE | 139 | 68 | 0 | 1 | 4 | 212 |
| | SKE | 2 | 3 | 0 | 0 | 0 | 5 |
| JKM | DAD | 311 | 225 | 0 | 2 | 5 | 543 |
| | DEM | 62 | 43 | 0 | 1 | 4 | 110 |
| | DKM | 189 | 160 | 0 | 5 | 14 | 368 |
| | DPT | 321 | 105 | 0 | 4 | 6 | 436 |
| | SKM | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| | SPT | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| JP | DAT | 423 | 133 | 0 | 6 | 3 | 565 |
| | DPM | 377 | 52 | 0 | 0 | 6 | 435 |
| | DPR | 166 | 9 | 1 | 2 | 2 | 180 |
| JUMLAH | | 3586 | 1554 | 5 | 48 | 74 | 5267 |



# UNIT KOKURIKULUM



## Survivor Camp

Surivor Camp telah dianjurkan pada 13 -16 September 2012, bertempat di Kem Perkhemahan Jabatan Hutan
Cameron Highland, Pahang, antara lain bertujuan untuk mendedahkan peserta dengan ikhtiar hidup dan mampu bertindak pantas apabila berada dalam situasi kecemasan, menguji ketahanan mental dan fizikal peserta dalam menempuh rintangan dan halangan dan mencetuskan pemikiran kreatif dan kritis ketika menyelesaikan masalah. Selain aktiviti kecergasan, kesihatan dan menyelamat, para peserta turut dibawa melawat ke tempat-tempat menarik di Cameron Highlands seperti ladang strawberi, ladang teh dan Taman Botani. Pegawai yang mengiringi pelajar ialah En Mohd Azri bin Abdul Ghani dan En Ahmad Suhaimi bin Arshad.

## Jalinan Semangat

Jalinan Semangat ialah program lawatan sambil belajar ke Markas Askar Wataniah PUO, Pusat Latihan Askar Wataniah (Puswatan), Ipoh, Perak dan BN 165, Risik TD, Kem Slim, Cameron Highlands, Pahang yang telah diadakan pada 8-10 Mac 2012. Program ini telah disertai oleh 35 ahli Pasukan Askar Wataniah PKB dengan diketuai oleh Sarjan Pakor Azman bin Muhamad (Rejimen 506 AW). Dalam sesi lawatan ini kedua-dua pasukan telah membuat perbincangan dua hala bagi merancang latihan yang berkesan untuk menaikkan nama Askar Wataniah Politeknik di Persada Negara. Hasil lawatan ini pelajar dapat menimba ilmu pengetahuan dan mendapat pengalaman ditempat yang lain dari politeknik mereka dan menaikkan semangat untuk aktif dalam askar wataniah bagi persediaan menghadapi Kem Tahunan Askar Wataniah Politeknik Malaysia (MalPTAAC 7) di Politeknik Merlimau, Melaka.

# UNIT KOKURIKULUM












## Kursus Asas Perajurit Muda Siri 3/2012

Seramai 52 orang pelajar PKB yang menyertai Pasukan Askar Wataniah telah mengikuti Kursus Asas Perajurit Muda siri 3/2012 yang telah diadakan pada 19 mei-17 Jun 2012 bertempat di Padang Kawad Batalion Ketiga Rejimen 506 Kem Sungai Durian, Kuala Krai Kelantan. Bilangan peserta keseluruhan adalah 88 orang yang terdiri daripada pelajar Politeknik Kota Bharu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Institut Perguruan Guru Kota Bharu (IPGKB). Empat orang anggota PKB menerima anugerah daripada lima kategori yang dipertandingkan iaitu Penembak Terbaik oleh Hasrul Nizam bin Che Razak (DKA1B), Kawad Wanita Terbaik oleh Nur Liyana bt Azit (DAT1B), Kawad Lelaki Terbaik oleh Muhamad Nur Shawaludin bin Shaharudin (DUB2D) dan Penuntut Keseluruhan Terbaik oleh Muhamad Najib bin Muhamad (DKA1D). Pengarah PKB Mejar (Kehormat) Hj Noor Azahan bin Othman telah menyempurnakan Perasmian Penutup Tamat Latihan pada 16 Jun 2012. Kejayaan yang dicapai hasil usaha yang ditunjukkan oleh semua anggota Askar Wataniah PKB yang mengikuti kursus ini dan juga usaha dan semangat yang dicurahkan oleh Penasihat Pasukan Askar Wataniah PKB iaitu Leftenan Mohd Azri bin Abdul Ghani. Sepanjang 30 hari kursus pelajar telah didedahkan dengan perbagai Ilmu Asas Ketenteraan bagi melatih seorang soldadu yang terlatih dengan semangat kerjasama, setiakawan, disiplin, ketahanan mental dan fizikal, meningkatkan tahap kecerdasan jasmani agar mereka mampu melaksanakan tugas di dalam situasi yang mencabar dan tertekan serta akan lebih bersemangat untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

## Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri (TPM) Edisi Ketiga

Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri (TPM) Edisi Ketiga anjuran Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat dengan kerjasama KPT dan PESAKA telah menjadi medan terakhir pemilihan pesilat ke temasya Sukan Universiti Asean (AUG) di Laos. Kejohanan ini disertai oleh 35 IPT dalam negeri dan 10 IPT luar ( Belanda, Belgium, Brunei, Indonesia, Loas, Singapura,Thailand, United Kingdom, Vietnam dan

Yaman). Majlis Perasmian Pembukaan oleh Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin (Naib Canselor UTHM) dan penutup oleh YAB Datuk Seri Hj Mohd Ali Mohd Rostam (Presiden PESAKA). Peserta PKB telah menunjukkan kesungguhan dalam menjalani latihan seterusnya menyertai kejohanan. Penyertaan yang sangat banyak dari pelbagai IPT dalam dan luar Negara dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada atlit PKB. Sesungguhnya kejayaan membawa balik 1 perak dan 3 gangsa telah menyumbang mata kepada PKB dalam SukIPT 2012.



### Kursus Pertolongan Cemas Polibriged AR101

Kursus Pertolongan Cemas yang diadakan pada 28 Ogos 2012, bertempat di Dewan Jubli Perak, PKB ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang cara-cara melakukan pertolongan cemas ketika diperlukan dan dapat merialisasikan sukatan Kursus AR101. Pada masa yang sama pensyarah modul juga berpeluang mengikuti ceramah ini bagi menambahkan pengetahuan dalam pengendalian pertolongan cemas sekiranya berlaku pada pada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ceramah yang disampaikan ini juga diselangi dengan tayangan video pengendalian pertolongan cemas yang lebih mudah difahami oleh pelajar yang kuantiti agak ramai iaitu lebih kurang 1400 orang pelajar semester satu bersama pensyarah modul masing-masing.





Objektif program ialah untuk merealisasikan Sukatan Pelajaran Modul AR101 kepada semua pelajar,Memahami aspek pertolongan cemas dan cuba melaksanakan secara teratur dan berkesan untuk melindungi mangsa yang memerlukan rawatan, mendedahkan ilmu pelbagai jenis ikatan dan pertolongan cemas kepada para pelajar, memantapkan lagi tahap keberanian pelajar untuk mencuba sekiranya betul-betul berlaku kecemasan, dan meningkatkan semangat kerjasama dan keyakinan dalam menghadapi cabaran di masa depan.



### Program Kesukarelawanan Unit Kokurikulum Politeknik Kota Bharu

Seramai 35 orang pelajar yang telah terpilih menyertai Program Kesukarelawan yang diberi nama Program Khidmat Masyarakat yang telah di adakan di Kg. Gusai, Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang. Program ini diadakan



# UNIT KOKURIKULUM

pada 18-21 Oktober 2012. Pengisian yang telah dilaksanakan ialah Gotong royong bersama penduduk kampung, keceriaan sekolah, sukaneka bersama penduduk kampung dan yang berimpak tinggi kepada pelajar ialah membantu membuat semula serta membaiki sistem pendawaian rumah penduduk kampong. Untuk tiba di Kg Gusai adalah memakan masa empat jam menaiki bot. Menurut Penghulu Kg Gusai (Tok Empat Ahmad bin Ismail), Politeknik Kota Bharu adalah satu-satunya institusi pengajian yang datang ke kampung ini untuk mencurah bakti membantu penduduk kampung dan ini harus dicontohi oleh institusi lain. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh En Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, Pengarah Bahagian Kebajikan Pelajar Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia.

## Malaysian Polytechnic Territorial Army Annual Camp 7th (MalPTAAC VII)

MalPTAAC VII telah diadakan pada 24 November 2012 – 08 Disember 2012 di Politeknik Merlimau Melaka, anuran Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia. Secara asasnya, MalPTAAC adalah bertujuan untuk melahirkan generasi mahasiswa yang berani dan berminat untuk melibatkan diri dalam bidang ketenteraan. Mahasiswa yang mengikuti kem ini juga diberi pendedahan ilmu ketenteraan secara praktikal untuk menigkatkan kemahiran anggota dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran ketenteraan. Selain itu, anggota yang mengikuti kem ini juga dapat menambahkan kenalan-kenalan daripada politeknik-politeknik lain di samping bertukar-tukar pendapat dan idea dalam pelbagai bidang samada pelajaran mahupun ilmu ketenteraan itu sendiri.

Seramai 425 anggota lain-lain pangkat dan 28 orang pegawai serta jurulatih dari 10 buah politeknik telah berkampung di PMM selama 2 minggu bagi menjayakan MalPTAAC ke-7 ini. Matlamat utama adalah untuk menghimpunkan semua anggota askar wataniah dari seluruh politeknik. 10 buah politeknik yang mengambi bahagian adalah PIS, POLIMAS, POLISAS, PPD, PSAS, PUO, PKB, PMM, PSMZA, dan PSP. Penyertaan dari






















Politeknik Kota Bharu (PKB) adalah 47 anggota lain-lain pangkat dan 3 orang pegawai di samping bantuan daripada jurulatih Rejemen 506 (AW).

Kejayaan PKB dalam MalPTAAC VII ialah Johan Penembak Wanita, Ketiga Penembak Lelaki, Keempat Kawad Kaki dan Ketiga Keseluruhan.

**Program Derma Darah Perdana 'The Malaysia Book of Records'**

Politeknik di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berjaya mencipta rekod baru dalam 'The Malaysia Book of Record' melalui Program Derma Darah Perdana yang diadakan serentak di 29 politeknik seluruh negara, pada 11 September 2012.

Program itu berjaya mencapai sasaran penderma apabila seramai 13,133 penderma hadir menderma darah di Politeknik seluruh negara. Politeknik mengambil tanggungjawab membantu pihak hospital di seluruh negara dalam menampung jumlah bekalan darah yang diperlukan terutama ketika berlaku kes kecemasan.

Majis Penerima Sijil Malaysia Book of Record Sempena Program Derma Darah Perdana Politeknik KPT, di Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Datuk Omar Abd Rahman; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar; Pengarah PIS, Azizi Lin dan Pengarah Politeknik Metro Johor Bahru, Roslee Yahya.

Program itu bertujuan untuk menyahut cabaran Wawasan 2020 yang ketujuh iaitu mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri.

Bilangan penderma politeknik pantai timur:

1. Politeknik Kota Bharu - 1663
2. Poiteknik Sultan Haji Ahmad Shah - 1206
3. Politeknik Kuala Terengganu - 162
4. Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin - 465
5. Politeknik Muadzam Shah - 162
6. Politeknik Jeli - 104
7. Politeknik Hulu Terengganu - 80
8. Politeknik Metro Kuantan - 11

# UNIT KOKURIKULUM

## Kursus Kor Jurulatih Kawad Kokurikulum  Politeknik Kota Bharu

Kursus ini telah diadakan di Pusat Penyelidikan UMT Pulau Bidong, Terengganu, pada 22 - 25 Jun 2012. Seramai 35 orang pelajar semester satu PKB telah menjalani Kursus Kor Jurulatih Kawad bagi memantapkan proses Pelajaran kawad kepada pelajar baru. Pelajar yang terpilih pernah mengikuti Kursus Asas Perajurit Muda Askar Wataniah di Kem Latihan Rejimen 506 AW Sungai Durian Kuala Krai, Kelantan.

Tujuan kursus ini adalah untuk melatih mereka menjadi seorang pemimpin dan boleh menangani konflik dari kerenah pelajar-pelajar baru yang datang dari pelbagai bangsa dan negeri seluruh Malaysia. Impak besar daripada program ini ialah pelajar lebih yakin dan tidak malu untuk mengajar kawad kaki kepada pelajar baru nanti. Sepanjang 4 hari 3 malam pelajar telah didedahkan dengan Latihan Dalam Kumpulan, Kaedah menangani Konflik, Sifat seorang Pemimpin,Mencari Potensi Diri, persembahan kebudayaan bertema Patriotik,Survival ,kawad dan jatidiri (Kayak/snorkeling/scuba), Komunikasi Berkesan dan perbentangan individu.

Kursus ini telah dibimbing oleh semua Pensyarah Unit Kokurikulum PKB yang diketuai oleh En Udom a/l Ewon. Kursus ini telah mendapat kerjasama dari UMT dan pegawai dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)  yang juga turut membantu dalam membentuk pelajar ini menjadi lebih mantap dan lebih berkeyakinan. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh En Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, Pengarah Kebajikan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia.



# UNIT LATIHAN INDUSTRI



## Internship Program Bersama CIDB

Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI) telah melaksanakan Internship Program Bersama CIDB pada sesi Jun 2012. Pihak CIDB telah mengenalpasti Latihan industri yang dikendalikan oleh IPT kepada pra graduan adalah tidak menepati kehendak menyeluruh industri pembinaan negara. Dengan itu Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI) ,PKB bersetuju bekerjasama dengan pihak CIDB menggunakan modul yang dibangunkan oleh pihak CIDB untuk dijadikan garis panduan kepada majikan dalam menyelia pra graduan terutama di dalam bidang pengurusan projek di mana pemberat akan diberikan mengikut organisasi supaya majikan dapat memberikan fokus mengikut pemberat tersebut.

## Konvensyen KIK PKB

Pada 20 Jun 2012, Kumpulan i-UPLI dari Unit Perhubungan & Latihan Industri(UPLI) telah menyertai konvensyen KIK Politeknik Kota Bharu bersama 4 lagi kumpulan daripada jabatan dan unit. Kumpulan i-UPLI telah dinorbatkan sebagai Johan Konvensyen KIK peringkat Politeknik Kota Bharu. Kumpulan i-UPLI juga diberi peluang untuk mewakili Politeknik Kota Bharu ke Konyensyen ICC Wilayah Pantai Timur 2012 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di Bukit Gambang Resort City, Pahang pada 4 & 5 Julai 2012.

## Taklimat Keperluan Industri

Semperna Taklimat Pengenalan Latihan Industri dan Pendaftaran yang dilaksanakan di Dewan Jubli Perak (DJP),Politeknik Kota Bharu pada 31 Jul 2012 kepada para pelajar yang bakal mengikuti

# UNIT LATIHAN INDUSTRI

latihan industri. Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI) telah menjemput YM Tengku Iskandar bin Tengku Ismail (wakil dari Air Kelantan Sdn. Bhd.) untuk berkongi maklumat berkaitan keperluan industri pada masa kini.

## Pencapaian Audit Persekitaran 5S

Pada 7 Nov 2012 Audit Amalan Persikitaran 5S telah dijalankan ke seluruh jabatan dan unit Politeknik Kota Bharu. Antara perkara yang diaudit ialah Aspek Utama Keperluan 5S dan Ruang Pejabat, Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI) telah dinorbatkan skor keseluruhan tertinggi dan diberikan 4 RIBEN .

## Kursus Kad Hijau CIDB

Unit Perhubungan & Latihan Industri dengan kerjasama Akademi Binaan Wilayah TImur telah menganjurkan kursus Kad Hijau CIDB kepada para pelajar yang akan menjalani Latihan Industri sekali setiap semester. Objektif Kursus Kad Hijau CIDB adalah

- Mendedahkan pelajar mengenai keselamatan dan kesihatan di tapak binaan.
- Memastikan pelajar sedar akan kepentingan keselamatan dan kesihatan di tapak binaan.
- Mengenalpasti keperluan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tapak binaan.

Selain itu, pelajar yang telah mendaftar dengan CIDB serta memiliki Kad Hijau secara automatik telah diberi perlindungan dibawah satu Skim Insurans Khas yang menjamin para Pekerja Binaan terhadap sebarang kematian dan kemalangan.








# UNIT PENTADBIRAN



Fungsi

i. Menguruskan Kerja Kerja yang berkaitan dengan hal hal Perkhidmatan Seperti: yang terkandung dalam arahan perkhidmatan dan garis panduan yang tepat dan betul serta terkini mengikut:
- Perintah Perintah Am Bab A – Bab G
- Peraturan Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam
- Arahan Perbendaharaan Bab A – Bab C
- Panduan Pengurusan Pejabat
- Panduan Perbendaharaan tatacara Pengurusan Stor
- Dan Surat Surat Pekeliling yang berkaitan sebagai menyokong segala kerja yang dijalankan

ii. Menguruskan Hal hal yang berkaitan dengan kerja kerja Kewangan seperti yang terkandung dalam satu garis panduan yang telah ditetapkan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia:
- Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan
- Akta acara Kewangan
- Surat Surat Pekeliling sebagai sokongan kearah melicinkan dan sebagai panduan dalam proses menjalankan / menguruskan sesuatu kerja yang bertepatan dengan kaedah atau piawaian yang di kehendaki oleh sesebuah organisasi selaras dengan tujuan atau mencapai maksud perbendaharaan Malaysia dan mengikut pelarasan dalam semua Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

# UNIT PENTADBIRAN

## Aktiviti I

**Majlis Jamuan Hari Raya** yang dianjurkan oleh unit pentadbiran  unit , telah menjemput semua kakitangan politeknik kemajlis tersebut pada bulan September 2012.






# UNIT PERPUSTAKAAN



## Koleksi

| Bil. | Jenis Bahan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1 | Bahan-bahan rujukan (Buku/bahan Multimedia dll.) | 34,885 unit |
| 2 | Langganan Majalah/Jernal | 32 judul |
| 3 | Langganan Akhbar Harian | 5 judul |

## Bajet

| Bil | Pecahan kepala | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---|---|---|
| 1 | OS 27000 | 26, 715.28 |
| 2 | OS 28000 | 29, 167. 80 |
| 3 | OS 29000 | 7650.00 |
| 4 | OS 42000 | 4632.00 |
| 5 | Akaun amanah (pembelian buku) | 5000 |
| | Jumlah | 73,165.08 |

# UNIT PERPUSTAKAAN

## Statistik Perkhidmatan Perpustakaan

| Bulan | Penggunaan Perpustakaan | Pinjaman | Pembaharuan | Penggunaan WebOpac | MyLib |
|---|---|---|---|---|---|
| Jan | 12034 | 412 | 42 | - | 358 |
| Feb | 7981 | 261 | 59 | - | 432 |
| Mac | 9693 | 320 | 33 | - | 65 |
| Apr | 9357 | 197 | 14 | - | 50 |
| Mei | 841 | 84 | 2 | - | 49 |
| Jun | 659 | 72 | 3 | - | 100 |
| Jul | 9423 | 554 | 93 | 649 | 68 |
| Ogos | 8099 | 375 | 170 | 340 | 41 |
| Sept | 7460 | 339 | 68 | 253 | 41 |
| Okt | 1580 | 384 | 58 | 362 | 48 |
| Nov | 4752 | 97 | 17 | 175 | 38 |
| Dis | 7178 | 319 | 69 | 64 | 47 |
| Jumlah | 79,057 | 3547 | 595 | 1843 | 1337 |

## Aktiviti

| Bulan | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| Jan | Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat Untuk Pelajar Perdagangan | 11 Jan 12 | Makmal GCL7 |
| Feb | Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat Untuk Staf PKB | 21 Feb 12 | Makmal GCL7 |
| | Bengkel MPK dan Fail Meja Perpustakaan | 22-23 Mac 12 | Perpustakaan |
| Mac | Kem Ilmu Maklumat & Keusahawanan | 1-3 Mac 2012 | Langkawi |
| Apr | Program Gerak Baca di Tadika Cilik | 5 April 2012 | Tadika Cilik |
| | Bengkel Pengaplikasian Sistem Koha di Perpustakaan Politeknik | 16 – 18 April 12 | Makmal GCL7 |
| Jun | Bengkel Pemurnian Perkhidmatan Perpustakaan | 4 -6 Jun 12 | Perpustakaan |
| | Bengkel Sistem Koha Versi 3.4 | 11-12 Jun 12 | Makmal GCL7 |
| | Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat di Internet Untuk Staf PKB | 24 - 25 Jun 12 | Makmal GCL7 |
| Julai | Urusetia Perhimpunan Bulanan | 26 Jul 12 | Dewan Al -Ghazali |
| | Library Week | 29-31 Jul 12 | Perpustakaan |
| Ogos | Library Week | 1-2 Ogos 12 | Perpustakaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Sept | Majlis makan malam Perpustakaan bersama Kelab Rakan Pustaka | 20 Sep 12 | Restoran Syam |
| Okt | Pengukuhan pasukan dan sahsiah diri pelajar | 13 Okt 12 | Pantai Air Tawar |
| Nov | Majlis Persaraan Pn Hjh Rohani bt Mat | 29 Nov 12 | Bilik Sri Mawar |
| Dis | Taklimat Perpustakaan Bagi Pelajar Baru | 16-20 Dis 12 | Perpustakaan |

### Lawatan Akademik

| Bulan | Tarikh | Agensi |
|---|---|---|
| Jan | 14 Feb 12 | Lawatan akademik pelajar Dip. Pengajian Maklumat UiTM Machang (33 pelajar & 1 orang pengiring) |
| Apr | 16-18 April 2012 | Peserta bengkel Pengaplikasian Sistem KOHA terdiri daripada Pustakawan, Pem.Perpustakaan & Peg.ICT |
| Jun | 06 Jun 2012 | Lawatan akademik pelajar Ijazah Sarjana Muda (kepujian) Sistem Maklumat |
| Jul | 23-25 Jul 2012 | Lawatan beserta latihan staf Politeknik Dungun |

### Pencapaian

Perpustakaan telah mendapat pengiktirafan empat bintang dalam Audit 5s








# UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA

## Fungsi



Memberi perkhidmatan yang efektif dengan penggunaan peralatan alat pandang dengar (APD),Multimedia dan Fotografi kepada staf dan pelajar untuk melancarkan perlaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dan aktiviti di PKB termasuk yang melibatkan siaraya, rakaman video dan gambar ( fotografi), PA Sistem, TV, Video, kemudahan elektrik, closed circuit TV (CCTV), selain dipertanggungjawabkan menjaga sebahagian besar peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja berkaitan seperti peralatan audio visual kamera dan kamera video , LCD projector dan seumpamanya. Pegawai di UMS juga dibantu beberapa krew yang dipilih dari kalangan pelejar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik PKB. Unit ini juga memberi pinjaman peralatan serta menawarkan khidmat tenaga kerja dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan pengendalian peralatan serta memastikan kelancaran majlis atau Program berkaitan termasuklah Majlis Konvokesyen, seminar-seminar dan persidangan anjuran PKB.

## Aktiviti

Sepanjang tahun 2012 UMS telah terlibat dalam lebih dari 100 program PKB. Unit ini telah terlibat dalam semua aktiviti tahunan PKB,seperti Minggu Suaikenal, Majlis Konvokesyen, Derma Darah, Perhimpuanan Bulanan , seminar, ceramah dan pelbagai program anjuran PKB. Program-program tersebut memerlukan semua anggota unit turun padang, terutamanya sebagai AJK Siaraya dan Multimedia. Selain daripada aktiviti tetap tahunan PKB, pada tahun 2012 Unit ini turut menganjurkan kursus untuk anggota unit dan lain-lain peserta dari Unit atau Jabatan-Jabatan lain yang berminat. Kursus pertama yang telah berjaya dilaksanakan oleh Unit ini adalah Kursus pembangunan Laman Web yang diadakan pada 21-24 Mac 2012 bertempat di bilik Editing, UMS. Kursus ini disertai oleh 12 orang peserta terdiri dari staf UMS dan juga beberapa orang peserta dari Jabatan lain.

Selain daripada itu, Unit ini juga diberi kepercayaan untuk menganjurkan Program Perhimpunan Bulanan bagi bulan November. Program yang berlangsung setiap bulan ini telah dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama dan sokongan dari unit-unit lain yang telah berpengalaman menganjurkan program ini. Unit ini juga meluaskan lagi skop perkhidmatan dengan menubuhkan Kelab fotografi dan Multimedia dengan kerjasama Unit Pembangunan Usahawan dan Hal Ehwal Pelajar pada penghujung Disember lepas. Sehingga hari ini, Kelab ini masih dibuka untuk penyertaan staf dan pelajar-pelajar yang berminat.














TOSHIBA



# UNIT SISTEM DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT




## Fungsi

Objektif utama unit ini adalah untuk memberi perkhidmatan ict untuk aktiviti pengurusan, pengajaran dan pembelajaran di politeknik kota bharu.

## Aktiviti

Selaras dengan fungsi pkb sebagai sebuah pusat kecemerlangan akademik, ustm juga turut sama membantu dalam menyediakan kursus terpilih bagi tujuan meningkatkan pengetahuan ict dikalangan staf akademik dan sokongan . Antara kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012:

1. Bengkel pemantapan Portal Rasmi PKB
2. Bengkel persediaan setup local server
3. Kursus pentadbiran Sistem E-thumb
4. Kursus pengenalan ICT
5. Kursus pentadbiran Sistem Komputer –Linux Fundamental
6. Kursus pengurusan e-mel PKB
7. Kursus pentadbiran komputer – DNS/DHCP

PKB juga telah dianugerahkan sijil penarafan 5 bintang oleh pihak mdec dalam malaysian government portals and websites assessment 2012 bagi kategori portal rasmi kerajaan.

# UNIT PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN




Unit Pembangunan dan Senggaraan adalah ditubuhkan untuk bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan kerja pembangunan dan penyenggaraan bangunan dan kemudahan awam di dalam kampus Politeknik Kota Bharu seluas 105 ekar.

Pada tahun 2012, sejumlah peruntukan telah digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja senggaraaan meliputi senggaraan dan pembaikan bangunan, sistem penyaman udara, peralatan pencegah kebakaran, peralatan kemudahan mekanikal dan kemudahan elektrikal. Bagi senggaraan yang kecil, kerja-kerja dilaksanakan oleh kakitangan UPSG manakala bagi yang memerlukan kepakaran dilaksanakan melalui kontraktor yang dilantik. Kakitangan UPSG diketuai oleh Pegawai pembangunan dan Senggaraan dan dibantu oleh 10 orang kakitangan teknikal yang lain.

Adalah menjadi tanggungjawab UPSG bagi memastikan kemudahan dan fasiliti kampus Politeknik Kota Bharu berkeadaan baik dan tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada tahun 2012, sebanyak 1133 aduan telah diterima oleh UPSG berkaitan kerosakan daripada pihak pengguna berdasarkan pecahan di bawah :

| Jenis Aduan Kerosakan | Bilangan | Peratusan % |
|---|---|---|
| Asrama | 434 | 38 |
| Awam/Bangunan/Infra | 311 | 27 |
| Elektrikal/Telefon | 293 | 26 |
| Mekanikal | 95 | 9 |
| Jumlah | 1133 | 100 |

# UNIT PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN

Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 99.5% telah berjaya dibaiki, manakala selebihnya tidak ekonomik untuk dibaiki atas pelbagai kerosakan besar yang berlaku. Peranan UPSG juga adalah bertanggungjawab melaksanakan projek naiktaraf, ubahsuai dan pembangunan. Bagi tahun 2012, UPSG telah melaksanakan beberapa projek berikut:

1. Kerja-kerja naiktaraf Pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)
2. Kerja-kerja naiktaraf Pejabat Unit Kokurikulum.
3. Di samping itu, tugas UPSG juga terlibat sebagai unit yang bertanggungjawab dalam persiapan tempat untuk pelbagai majlis dan acara. Pada 2012, UPSG telah terlibat dalam beberapa majlis, antaranya :
4. Majlis Konvokesyen
5. Pendaftaran pelajar dan Minggu Suaikenal
6. PKB Sport Festival
7. Kembara Merdeka
8. Derma Darah Mega



# UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

## Seminar Penyelidikan 1/2012 (13 Februari 012)

Melibatkan pembentangan hasil penyelidikan 6 orang pensyarah. Seminar di peringkat Jabatan Mekanikal (JKM) dengan kerjasama UPI melaksanakan dua seminar dan bengkel penyelidikan yang menghasilkan 31 pembentangan pensyarah. Seterusnya Seminar Penyelidikan 2/2012 anjuran UPI disertai oleh 32 orang pembentang pada 4 September 2012. Pembentangan-pembentangan ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam penerbitan dua jurnal penyelidikan JKM (DoME), satu Jurnal Penyelidikan PKB dan satu Diges Penyelidikan PKB.

## Host bagi Lawatan Kerja Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Perlis (15 Februari 2012)

Urusetia UPI telah menerima kunjungan 25 orang pegawai dari PTSB yang diketuai Dr Khalid Ghazi. Mereka diberi taklimat tentang aktiviti UPI PKB termasuklah e-SOLMS dan e-SiS oleh Dr Khairul Azhar, En Azmi Ayup, En Baharuddin dan Dr Nik Ab. Aziz.

## Diskusi Penyelidikan 1 (7 Mac 2012)

Beberapa orang pensyarah berbincang dengan Ketua UPI tentang maklumat terkini dan asas tentang penyelidikan.

## Inotek 2012 (JKA, JKE & JKM) (24 - 25 Mac 2012)

Beberapa kumpulan pelajar terlibat dengan pamerandan persembahan inovasi di Inotek 2012

## Lawatan Inovasi ke Festival Inovasi & Kreativiti UTM (29 Mac - 1 April 2012)

Lawatan penandarasan dan tinjauan perlaksanaan festival inovasi UTM yang lebih memfokuskan pelajar-pelajar dari seluruh negeri dan menunjukkan fungsinya secara efektif sebagai hub penyelidikan dan inovasi kepada masyarakat umum.

## Bengkel Penulisan dan Permohonan perlindungan Harta Intelek dan Asas Pengkomersilan (11 - 12 Jun 2012)

Maklumat asas tenteng cara-cara memohon untuk dipatenkan produk inovasi diketengahkan oleh En Redzuan dari MyIPO di dalam bengkel yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik dan UPI.

## Penyertaan Seminar Penyelidikan Peringkat Kebangsaan di Permai Hotel, KT (17 - 18 Julai 2012)

Salah seorang dari peserta seminar di kalangan pensyarah PKB iaitu Pn Noor Hazini telah muncul sebagai pembentang dan kertas kerja terbaik di dalam seminar kebangsaan tersebut.

# UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

## Penyertaan Innovation Conference and Exposition 2012 (INNOCONF2012) (17 - 18 Julai 2012)

Perhimpunan kebangsaan anjuran Politeknik Shah Alam ini dihadiri oleh pesyarah peserta dari JKM






## Seminar Penyelidikan 1/2012 (4 September 2012)

Seminar ini disertai oleh 32 orang pensyarah pembentang termasuk pensyarah dari Politeknik Jeli Kelantan.

## Hari Terbuka dan Kecemerlangan Inovasi PKB 2012 (5 - 6 November 2012)

Gabungan hari pembentangan projek pelajar semester akhir dan keusahawanan Politeknik Kota Bharu ini terbuka kepada masyarakat luar. Program ini akan memerlihatkan 39 projek dari JKA, 80 projek dari JKE, 62 projek dari JKM dan 7 projek dari JP. Kemuncak program ialah perasmian penutup dan pengistiharan Projek Terbaik Keseluruhan dan Pameran Terbaik/Paling Menarik.

Dari aspek hasil inovasi pensyarah, 5 produk telah terpilih dan difail untuk dipatenkan. Beberapa siri bengkel dan seminar penyelidikan juga telah dijalankan oleh jabatan-jabatan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan para pensyarah dalam membentangkan hasil penyelidikan mereka.

## Diskusi Penyelidikan 2/2012 (27 November 2012)

Seramai lebih kurang 12 orang pensyarah berkongsi maklumat tentang penyelidikan di dalam program yang diselia oleh Dr Azmi Yusoff dari JKM.

# UNIT ASRAMA



## Minggu Penghayatan Solat Dan Minggu Kamsis Pertama (8 -14 Januari 2012)

Program ini diadakan di Kamsis PKB bertujuan mendedahkan pelajar berkaitan kelebihan atau hikmah solat dengan sempurna, melatih pelajar agar menjadi seorang muslim yang kehidupannya berteraskan kepada agama, memupuk nilai-nilai akhlak yang mulia dalam kalangan para pelajar demi melahirkan manusia yang berkeperibadian tinggi,menghormati satu sama lain dan menghayati nilai-nilai keharmonian yang sedia ada dan mengeratkan lagi silatulrahim.

## Hari Sukan Kamsis (10 - 11 Februari 2012)

Bertempat di Politeknik Kota Bharu, bagi mengeratkan silaturrahim Hari Sukan telah diadakan. Seain itu, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kelab pelajar kamsis dan peserta mengenai sistem pengurusan pentadbiran bagi sesebuah program atau aktiviti, di samping dapat bertukar pendapat dalam pengurusan kelab pelajar kamsis,disamping dapat memantapkan lagi kewibawaan dalam diri bagi mengendalikan sesebuah aktiviti.

## Program Keusahawanan

Bagi menyuburkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar PKB amnya, dan penghuni asrama khasnya, beberapa siri program keusahwanan telah dianjurkan, antaranya ialah Program Keusahawanan Makanan Waffle AJK Kelab Kamsis Asrama dan JPP PKB (10-11 Februari 2012), Minggu Keusahawanan Kamsis 2012 (15 - 29 Februari 2012) dan penanaman *rock melon* dan cili merah.

# UNIT ASRAMA

Program-program yang telah dianjurkan dapat meningkatkan ilmu perniagaan dan keusahawanan di kalangan pelajar asrama khususnya melibatkan produk makanan. Selain itu, program-program ini juga mampu memberi pendedahan awal ilmu keusahawanan di kalangan pelajar sebagai titik mula dalam menimba dan mempraktikkan ilmu perniagaan di kalangan pelajar asrama dan dapat mencungkil bakat keusahawanan dalam diri pelajar asrama.

## Lawatan Akademik

